

Malaysia Negara Asia Pertama Tuan Rumah SWIRMO
Bernama
5 Oktober, 2012

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia dipilih sebagai negara Asia pertama menjadi tuan rumah bengkel Undang-undang Antarabangsa Mentadbir Operasi Ketenteraan (SWIRMO) berdasarkan sokongan padunya terhadap Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa (IHL), menurut Larry Maybee, Perwakilan Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa (ICRC) bagi Pasukan Tentera dan Keselamatan di Asia Tenggara dan Pasifik.

"Saya kagum melihat bagaimana Malaysia menjalankan tanggungjawabnya dengan serius daripada segi peranan dan pembabitannya dalam misi-misi pengaman, menyokong IHL, juga dikenali Undang-undang Konflik Senjata," katanya dalam taklimat kepada wakil media di sini sempena dengan bengkel itu yang akan diadakan dari 7-13 Okt.

SWIRMO dijadual dirasmikan oleh Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bersama-sama Christine Beerli, Naib Presiden ICRC pada Isnin.

Menurut Maybee, diputuskan bahawa Malaysia adalah tempat yang sesuai untuk menganjurkan SWIRMO buat julung kalinya di Asia dengan mengambil kira pembabitannya dalam banyak misi pengaman dan usaha berterusannya daripada segi pendidikan mengenai IHL.

"Ini menunjukkan negara ini memandang serius isu-isu berkenaan dan kami gembira untuk bekerjasama dengan pasukan tentera Malaysia dalam menganjurkan bengkel ini," katanya dan menurutnya kini terdapat kira-kira 1,300 anggota tentera dan pegawai polis Malaysia sedang berkhidmat dalam misi pengaman berlainan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=699996>